

**Mubarak Gesa Rakyat Waspada Terhadap Usaha Mahu Guling Kerajaan
Bernama
06 Mei, 2012**

PARIT BUNTAR, 6 Mei (Bernama) -- Majlis Bekas-Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) menggesa rakyat supaya berwaspada terhadap usaha untuk menggulingkan kerajaan, demi menyelamatkan negara dan menjamin kesejahteraan serta kelangsungan hidup rakyat pada masa depan.

Ketua Penerangan Mubarak Datuk Abdul Rahman Sulaiman berkata Mubarak mengutuk sekeras-kerasnya usaha pihak tertentu yang berkomplot untuk menggulingkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat secara demokrasi.

"Sebenarnya Mubarak sudah tahu lama perkara itu tetapi sengaja tidak mahu menghebohkannya kerana bimbang akan menimbulkan keresahan di kalangan rakyat.

"Oleh kerana Perdana Menteri telah mendedahkannya, dan bekas-bekas Ketua Polis Negara termasuk bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad turut mengesahkannya, jadi rakyat perlu tahu perkara ini dan perlu sentiasa berwaspada," katanya kepada Bernama hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Jumaat lepas berkata perhimpunan badan bukan kerajaan yang disokong pembangkang di ibu negara 28 April lepas, adalah satu percubaan untuk menggulingkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat menerusi sistem demokrasi.

Najib berkata tindakan itu menunjukkan pihak yang terlibat tidak menghormati kerajaan yang dipilih oleh rakyat menerusi proses yang sah.

Abdul Rahman berkata Mubarak turut mencela kegiatan parti pembangkang dan badan bukan kerajaan tertentu yang didalangi oleh kuasa-kuasa asing termasuk gerakan Zionis antarabangsa untuk mencapai matlamat menggulingkan kerajaan.

"Ramai orang tak tahu sebenarnya agenda mereka adalah lebih besar daripada sekadar demonstrasi jalanan iaitu untuk menggulingkan kerajaan.

"Kita ada bukti, tetapi sekarang tidak mahu mendedahkannya. Mereka nak guna kaedah 'Arab Spring' untuk menggulingkan kerajaan sebab secara demokrasi, secara pilihan raya, mereka tahu mereka tidak akan menang," katanya.

Abdul Rahman berkata Mubarak menyokong usaha kerajaan untuk menegakkan sistem pemerintahan yang ada sekarang supaya kekal sampai bila-bila.

Beliau berkata Mubarak akan menggembeleng semua tenaga yang ada untuk menyedarkan rakyat tentang ancaman keselamatan yang sedang dihadapi sekarang selepas Perhimpunan Agung Mubarak kali ke-9 di Alor Setar, Kedah esok.

Katanya langkah itu supaya rakyat faham dan tidak mudah dipengaruhi oleh pihak yang mahu menggulingkan kerajaan secara tidak sah termasuk mengadakan demonstrasi jalanan seperti yang berlaku di negara Arab.

"Kita akan beri penerangan, dan ahli Mubarak terdiri daripada bekas-bekas wakil rakyat dan

mereka mempunyai pengalaman dalam soal itu," katanya.

Abdul Rahman berkata perhimpunan agung itu akan membawa usul mengutuk tindakan pihak yang berkomplot untuk menggulingkan kerajaan dan mencela tindakan pembangkang dan NGO untuk menggulingkan kerajaan dengan didalangi kuasa asing.

"Saya sendiri akan membawa usul ini semasa mesyuarat di Alor Setar esok, dan akan memberi maklumat lengkap supaya mereka dapat memberi penerangan kepada rakyat," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664063>